

14 MAY 2000

MAHA

MAHA 2000 BERMULA 22 JULAI

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan MAHA 2000, satu pertunjukan pertanian serta pesta buah-buahan dan pelancongan khas di Stadium Putra, Bukit Jalil pada 22 Julai ini.

Pertunjukan besar-besaran selama sembilan hari itu dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dengan kerjasama sebuah syarikat swasta.

MAHA atau Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show bertujuan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pembangunan pertanian dan industri berasaskan pertanian bagi meningkatkan pengeluaran pertanian, kata Unit Perhubungan Awam, Kementerian Pertanian.

Acara kemuncak MAHA 2000 ialah sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat kebangsaan yang akan memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada masyarakat peladang, penternak dan nelayan kerana bakti mereka terhadap pengeluaran makanan negara.

Ia juga mengandungi aktiviti seperti ekspo, pertandingan dan jualan hasil produk pertanian, pesta makanan Malaysia, demonstrasi masakan, persembahan kebudayaan, adat resam, rekreasi dan hiburan.

Slogan "Ke Arah Industri Pertanian Berdaya Saing" dipilih sebagai tema MAHA tahun ini.

Sempena MAHA 2000 itu juga, Malaysia juga akan menganjurkan mesyuarat agung Tropical Fruits Network (TFNet) yang pertama di Kuala Lumpur pada 27-29 Julai ini.

Mesyuarat itu penting bertujuan menarik lebih banyak negara anggota Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) atau badan antarabangsa serta institusi berkaitan menjadi anggota TFNet.

-- BERNAMA

NHA MAI